

Newspaper

Berita Harian

Date

22 January 2016

PM tetap sasaran baharu NCIA

BH - 22/1/2016

» *Tingkat pencapaian hadapi suasana ekonomi mencabar*

Oleh Irwan Shafrizan Ismail
irwansha@bh.com.my

Putrajaya

Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) berjaya menarik pelaburan swasta bernilai RM12.5 bilion tahun lalu, sekali gus melepasi sasaran petunjuk prestasi utama (KPI) yang ditetapkan iaitu RM10 bilion bagi tempoh itu.

Berikutan kejayaan itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak menetapkan beberapa sasaran baharu yang perlu dicapai Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA), tahun ini.

Antaranya, meningkatkan indeks tahap kepuasan pelanggan dan komuniti di wilayah itu kepada 80 peratus berbanding 60 peratus tahun lalu.

Tingkat pembabitan swasta Perdana Menteri juga mahu NCIA meningkatkan pembabitan sektor swasta dalam menyediakan peluang pekerjaan dan perniagaan mapan serta memastikan warga Koridor



Najib bersama pelabur pada **Majlis Pertukaran Dokumen Persefahaman Program Koridor Utara** antara NCIA dengan empat syarikat di Putrajaya, semalam. [FOTO FARIZ ISWADI ISMAIL/BH]

Utara terus mendapat manfaat daripada pembangunan ekonominya.

Amanat itu disampaikan oleh Perdana Menteri ketika mempengerusikan mesyuarat Majlis NCIA Ke-15 di sini, semalam.

Mesyuarat itu turut dihadiri Menteri Besar Perak, Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir; Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Azlan Man; Ketua Menteri Pulau Pinang, Lim Guan Eng dan Pengerusi Jawatankuasa Industri dan Pelaburan, Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Hal Ehwal Pengguna Kedah, Datuk Dr Ku Abd Rahman Ku Ismail.

Ketua Eksekutif NCIA, Datuk

Redza Rafiq, berkata Perdana Menteri juga mahu NCIA meningkatkan pencapaiannya, untuk menghadapi suasana ekonomi yang kian mencabar.

Komitmen PM

"Ja jelas menunjukkan komitmen Perdana Menteri yang mahu segala usaha dilakukan mestilah berpaksikan rakyat," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Majlis Pertukaran Dokumen Perjanjian Program Pembangunan Koridor Utara antara NCIA dengan empat syarikat yang turut disaksikan Najib se-jurus selesai mesyuarat itu.

Empat syarikat itu ialah Gre-

at Realty Sdn Bhd, Duria Manufacturing Sdn Bhd, Lembaga Pertubuhan Peladang Negeri Perlis dan Tandop Hotel Sdn Bhd. Keempat-empat syarikat itu akan melabur sebanyak RM1.3 bilion.

Redza berkata, NCER berjaya mewujudkan 11,835 peluang pekerjaan untuk rakyat tempatan tahun lalu di samping merekodkan pembabitan sektor swasta tempatan pada kadar 82 peratus.

"Bagi tahun ini, NCIA menyasarkan 8,000 peluang pekerjaan diwujudkan terutama dalam sektor pelancongan yang semakin berkembang, selain sektor pembuatan dan pertanian," katanya.